

21/06/2003

Ucapan penggulungan Presiden menerusi internet

RAKYAT Malaysia di luar negara berpeluang menyaksikan ucapan penggulungan

Perhimpunan Agung Umno oleh Presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, secara langsung melalui internet, hari ini.

Naib Presiden Interactive Channel Sdn Bhd (Interchannel), Tengku Azman Tengku Zainal Abidin, berkata ucapan berkenaan akan disiarkan melalui laman web rasmi parti, www.umno-online.com.

Dr Mahathir akan menyampaikan ucapan penggulungannya mulai jam 4.30 petang.

"Ia bagi memberi peluang kepada rakyat negara ini yang berada di luar negara mengikuti ucapan bersejarah itu kerana ia adalah kali terakhir Dr Mahathir menggulung perbahasan perhimpunan agung parti sebelum beliau melepaskan jawatan Oktober nanti," katanya.

Tengku Azman berkata, selain ucapan penggulungan Dr Mahathir, pengunjung

laman web itu juga boleh mengikuti ucapan penggulungan Timbalan Presiden parti, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi serta tiga lagi Naib Presiden iaitu Datuk Seri Najib Razak, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Tan Sri Muhammad Muhd Taib.

Interchannel adalah perunding dan pemaju laman web Umno-online dan kelab Umno.

Beliau berkata, ketika ini dianggarkan lebih 300,000 pengunjung melayari laman web Umno setiap bulan dan bilangannya semakin meningkat sejak perhimpunan agung parti.